

BAB 4 : FIRMA SEBAGAI PENGELUAR**SPM2004**

1. Jadual di bawah menunjukkan keluaran, kos tetap dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos Tetap (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	80	80
1	80	120
2	80	180

Antara berikut, pernyataan yang manakah benar berkaitan dengan firma itu?

- I Firma beroperasi dalam jangka pendek
- II Firma tidak menggunakan input berubah apabila tiada keluaran
- III Firma hanya menggunakan input tetap dalam operasinya.
- IV Firma menanggung kos tetap yang sama walaupun jumlah keluaran meningkat.

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

2. Apakah yang dimaksudkan dengan keluaran sut?

- A. Jumlah keluaran bagi setiap unit input berubah.
- B. Jumlah keluaran dikeluarkan apabila input berubah ditambah kepada input tetap.
- C. Perubahan dalam jumlah keluaran apabila berlaku perubahan dalam penggunaan satu unit input tetap.
- D. Perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada perubahan dalam penggunaan satu unit input berubah.

3. Antara berikut, faktor yang manakah mempengaruhi peningkatan penawaran barang?

- I Penggunaan teknologi tinggi
- II Jangkaan harga pada masa depan meningkat
- III Cita rasa pengguna berubah
- IV Penambahan subsidi kepada pengeluar

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

4. Jadual di bawah menunjukkan pekali keanjalan harga penawaran bagi barang P dan barang Q.

Barang	Pekali Keanjalan Harga Penawaran
P	4
Q	0.5

Apakah jenis pekali keanjalan bagi barang P dan barang Q?

	Barang P	Barang Q
A.	Anjal	Anjal satu
B.	Tidak anjal	Anjal
C.	Anjal	Tidak anjal
D.	Anjal satu	Anjal

5. Harga penawaran satu barang berubah daripada RM5 kepada RM6 menyebabkan kuantiti penawaran barang tersebut bertambah daripada 1 000 unit kepada 1 500 unit.

Berapakah pekali keanjalan harga penawaran barang tersebut?

- A. 0.4
- B. 1.5
- C. 2.1
- D. 2.5

SPM2005

1. Firma ialah organisasi yang

- A. Merancang untuk meminimumkan kos pengeluaran
- B. Merancang untuk mendapat keuntungan yang maksimum
- C. Menawarkan faktor-faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
- D. Menguruskan faktor-faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.

2. Antara berikut, yang manakah kos tetap firma?

- A. Bil telefon
- B. Sewa kilang
- C. Upah pekerja
- D. Kos bahan mentah

3. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor penentu penawaran?

- I Harga faktor pengeluaran
- II Harga barang lain
- III Matlamat pengeluar
- IV Promosi

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

4. Antara berikut, faktor yang manakah menyebabkan peningkatan terhadap penawaran cakera padat?

- I Penurunan cukai jualan
- II Kemajuan tingkat teknologi
- III Matlamat firma untuk menguasai pasaran
- IV Penurunan harga cakera padat tersebut

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

5. Keanjalan harga penawaran adalah anjal jika peratus perubahan

- A. dalam kuantiti ditawarkan melebihi peratus perubahan pendapatan.
- B. dalam kuantiti ditawarkan melebihi peratus perubahan harga.
- C. harga melebihi peratus perubahan dalam kuantiti ditawarkan.
- D. pendapatan melebihi peratus perubahan kuantiti ditawarkan.

SPM2006

1. Antara berikut yang manakah perbezaan antara pengeluaran jangka pendek dengan pengeluaran jangka panjang?

	Pengeluaran Jangka Pendek	Pengeluaran Jangka Panjang
A.	Terdapat input tetap dan input berubah	Terdapat input berubah sahaja
B.	Terdapat input berubah sahaja	Terdapat input tetap dan input berubah
C.	Terdapat input tetap sahaja	Terdapat input berubah sahaja
D.	Terdapat input berubah sahaja	Terdapat input tetap sahaja

2. Kilang M telah mengeluarkan 180 pasang kasut sehari dengan 20 orang pekerja. Tambahan 2 orang pekerja menyebabkan pengeluaran kasut juga bertambah menjadi 210 pasang sehari. Berapakah keluaran sut bagi pekerja ke-22?

- A. 9
- B. 10
- C. 15
- D. 30


3. Berikut ialah kos yang ditanggung oleh seorang pengusaha dalam pengeluaran jangka pendek.

- Sewa kilang
- Pembelian mesin

Tentukan jenis kos tersebut.

- A. Kos sut
- B. Kos tetap
- C. Kos purata
- D. Kos berubah

4. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Faktor yang menyebabkan pergerakan tersebut ialah peningkatan

- A. Harga barang itu
- B. Kos pengeluaran
- C. Tingkat teknologi
- D. Jangkaan harga pada masa depan

5. Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti yang ditawarkan dan peratus perubahan harga bagi barang X dan barang Y.

Barang	Peratus perubahan kuantiti	Peratus perubahan harga
X	20	10
Y	15	15

Apakah jenis keanjalan harga penawaran bagi barang X dan barang Y?

	Barang X	Barang Y
A.	Anjal	Tidak anjal
B.	Tidak anjal	Anjal satu
C.	Anjal	Anjal satu
D.	Tidak anjal	Anjal

SPM2007

1. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang firma?

- I Matlamat utama memaksimumkan keuntungan
- II Berbeza dari segi saiz dan modal
- III Membekalkan faktor pengeluaran
- IV Menggunakan barang dan perkhidmatan

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

2. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara bilangan buruh dengan jumlah keluaran suatu barang.

Bilangan buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)
0	-
1	3
2	9
3	18
4	26

Penggunaan buruh yang ke berapakah keluaran sut adalah paling tinggi?

- A. 1
- B. 2
- C. 3
- D. 4

3. Maklumat berikut berkaitan dengan rumus kos purata.

$$\text{Kos Purata} = \frac{X + Y}{\text{Jumlah Output}}$$

Apakah X dan Y?

	X	Y
A.	Kos berubah	Kos tetap
B.	Input berubah	Input tetap
C.	Kos sut	Jumlah kos
D.	Kos tetap	Kos sut

4. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang jumlah kos pengeluaran jangka pendek?

- I Jumlah kos meningkat apabila input berubah bertambah
- II Jumlah kos ialah kos per unit bagi pelbagai tingkat pengeluaran
- III Jumlah kos ialah kos tetap tambah kos berubah
- IV Jumlah kos sama dengan kos tetap pada output sifar

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

5. Apakah yang menyebabkan peningkatan penawaran bagi barangan elektronik di pasaran?

- A. Kenaikan cukai barang elektronik
- B. Kenaikan upah buruh
- C. Peningkatan cita rasa
- D. Peningkatan teknologi

6. Penawaran kasut bertambah daripada 150 pasang kepada 250 pasang apabila harga sepasang kasut meningkat daripada RM20 kepada RM30.

Apakah pekali keanjalan harga penawaran kasut tersebut?

- A. 0.75
- B. 0.83
- C. 1.20
- D. 1.33

SPM2008

1. Puan Zaidah memerlukan ikan, tepung, mesin pengisar dan pekerja untuk membuat keropok. Apakah input tetap yang terlibat dalam proses tersebut?

- A. Ikan, tepung dan mesin pengisar
- B. Pekerja dan mesin pengisar
- C. Ikan, tepung dan pekerja
- D. Mesin pengisar

2. Maklumat berikut berkaitan dengan penentu penawaran ikan.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora di perairan pantai timur Semenanjung Malaysia dijangka berterusan.

Apakah kesan ke atas pasaran ikan?

- I Permintaan bertambah
- II Penawaran berkurang
- III Harga meningkat
- IV Lebihan penawaran berlaku

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

3. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis keanjalan harga penawaran bagi Barang I, Barang II, dan Barang III.

Barang I	Peratus perubahan harga yang kecil mengakibatkan peratus perubahan kuantiti yang besar
Barang II	Peratus perubahan harga yang besar mengakibatkan peratus perubahan kuantiti yang kecil
Barang III	Peratus perubahan harga sama dengan peratus perubahan kuantiti

Tentukan jenis keanjalan harga penawaran bagi setiap barang tersebut.

	Anjal	Anjal Satu	Tidak Anjal
A.	Barang I	Barang II	Barang III
B.	Barang II	Barang I	Barang II
C.	Barang III	Barang II	Barang I
D.	Barang I	Barang III	Barang II